

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEDUA
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI AHAD, 19 MAC 2023, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

1. **DOA.**
2. **PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
3. **PEMBENTANGAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT -**
 - **Bilangan 1 hingga 5 Tahun 2023**

4. **SOALAN LISAN**

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 1 (A162)

Apakah usaha kerajaan negeri, pelan jangka panjang dan pelan jangka pendek bagi menangani masalah banjir yang berlaku pada 28hb Februari 2023.

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 2 (A179)

Memandangkan banyak daerah di dalam negeri Johor yang terjejas dengan bencana banjir pada tahun ini, berapakah bajet tambahan yang akan diberikan oleh kerajaan negeri bagi JPS dan peruntukan jalan bagi memastikan bencana ini dapat ditangani?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 3 (A206)

Minta dinyatakan usaha kerajaan negeri dan persekutuan untuk menaiktaraf sistem saliran dalam usaha menangani isu banjir terutama berdepan dengan perubahan iklim yang telah memberi kesan kepada rakyat pelbagai lapisan umur serta mengganggu aktiviti rutin dan sosio ekonomi.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)

SOALAN 4 (A202)

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan dalam kesiapsiagaan menghadapi bencana banjir dalam keadaan perubahan iklim dunia.

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)

SOALAN 5 (A211)

Berapakah jumlah dana yang diperuntukan oleh kerajaan negeri kepada NADMA untuk menyelaraskan operasi dan bantuan di kawasan terjejas akibat banjir di negeri Johor?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)

SOALAN 6 (A96)

Berapa ramaikah para nelayan dan petani yang bekerja sendiri di dalam kawasan DUN Kota Iskandar yang telah mencarum SOCSO dan sekiranya ada kes bayaran manfaat caruman kepada mereka, bolehkah YB EXCO berikan butiran maklumat di dalam Dewan yang mulia ini?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)

SOALAN 7 (A169)

Minta dinyatakan berapakah kadar pengangguran belia di Johor dan langkah-langkah kerajaan negeri untuk memastikan kadar pengangguran belia dalam negeri pada kadar yang rendah.

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)

SOALAN 8 (A174)

Apakah perancangan kerajaan negeri dalam mengurangkan kadar pengangguran di negeri ini?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)

SOALAN 9 (A110)

Berkenaan rumah flat Taman Sri Api-Api, Pontian. Apakah status semasa perumahan, adakah sudah bertuan atau belum. Jika belum, dicadangkan agar kerajaan negeri buat sesuatu supaya tidak terbengkalai dan usang.

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)

SOALAN 10 (A127)

Nyatakan langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan negeri dari segi infrastruktur, memudahkan cara perniagaan (ease of doing business) dan membina ekosistem rantai bekalan tempatan untuk menerima pelaburan asing ke negeri Johor yang kian meningkat.

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 11 (A35)

Selain daripada menerima peruntukan baik pulih sebanyak RM600,000.00 yang diumumkan ketika pembentangan Bajet 2023, apakah perancangan kerajaan negeri di dalam menjadikan Kompleks Warisan Sultan Abu Bakar sebagai satu hub kompleks warisan terkenal di Malaysia?

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 12 (A204)

Jika berlaku sesuatu kes penderaan di sekitar, apakah tindakan yang sewajarnya perlu diambil oleh komuniti?

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 13 (A73)

Masyarakat Islam di Labis amat memerlukan perkhidmatan Tabung Haji agar beroperasi semula di bandar Labis. Oleh yang demikian, saya mengharapkan kerajaan negeri dapat membantu agar kaunter Tabung Haji dapat beroperasi semula di bandar Labis.

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 14 (A54)

Sukan berbasikal merupakan suatu yang menjadi gaya hidup masa kini. Oleh hal yang demikian, saya menyarankan Jalan Muar-Batu Pahat dinaiktaraf dan dilebarkan untuk menyediakan lorong khas basikal bagi memberikan ruang rakyat bergiat aktif akan sukan tersebut disamping memelihara kesihatan badan.

YB TUAN VIDYANANTHAN A/L RAMANADHAN (KAHANG)
SOALAN 15 (A193)

Sila nyatakan berapa banyak projek Rumah Terbengkalai yang masih belum diselesaikan di negeri Johor dan usaha kerajaan negeri untuk membantu pembeli yang menanggung hutang pada bank.

YB PUAN NOR RASHIDAH BINTI RAMLI (PARIT RAJA)
SOALAN 16 (A201)

Minta dinyatakan usaha pihak kerajaan untuk menaiktaraf dan membaikpulih sekolah-sekolah dalam kawasan DUN Parit Raja.

YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 17 (A74)

Masyarakat di dalam DUN Bekok tempoh hari telah mengalami banjir kilat yang disebabkan sistem perparitan yang tidak sempurna di dalam dan luar

kawasan Pihak Berkuasa Tempatan. Justeru, saya mohon kerajaan negeri agar menyediakan pelan tambatan banjir di kawasan DUN Bekok.

YB PUAN NG KOR SIM (JEMENTAH)
SOALAN 18 (A23)

Susulan keterangan YB berkenaan kerja menaiktarafkan laluan FT023 Segamat pada Persidangan yang lalu, apakah status terbaru bagi pakej 1a bagi menyelesaikan masalah kesesakan jalan di simpang Jalan Muar - Segamat?

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 19 (A170)

Minta dinyatakan berapakah jumlah pekerja gig yang bekerja di Johor dan perancangan Kerajaan Negeri untuk menyokong meningkatkan kemahiran mereka untuk kekal relevan dalam pasaran kerja semasa.

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 20 (A140)

Mohon nyatakan inisiatif pelaburan-pelaburan yang menjurus kepada pembangunan ekonomi anak muda, terutamanya di kawasan DUN Parit Yaani yang boleh dibawakan ke dalam kawasan saya terutamanya dari segi pertanian, ekonomi gigs, perindustrian automotif dan keusahawanan?

YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 21 (A177)

Peniaga kedai makanan menyewa kedai dan menanggung kos bulanan yang tinggi, mereka juga bergantung amat kepada jualan hujung minggu, bagaimanakah PBT(MPK) boleh membantu peniaga tempatan yang terjejas dengan pesta, expo makanan yang seringkali dibuat ketika hujung minggu sekaligus menjejaskan pendapatan peniaga?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 22 (A112)

Menambahbaik sistem bagi permohonan-permohonan kes tertentu kepada baitulmal atau JKM yang mengambil masa lama untuk diluluskan, ataupun boleh diubah kepada konsep "claim" daripada pemohon kepada kerajaan/jabatan/agensi terlibat?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 23 (A146)

Seperti sedia maklum, YAB Menteri Besar Johor telah membentangkan berkenaan Rumah Pesona Wanita Johor pada Belanjawan Johor 2023 yang lalu. Apakah fungsi dan objektif rumah tersebut yang boleh memberi manfaat kepada masyarakat?

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)

SOALAN 24 (A105)

Apakah status terkini dan hasil bagi kerja-kerja membaikpulih pavemen (PBC) yang dilaksanakan di FT001 Jalan Johor Bahru - Kulai khususnya kawasan Skudai yang terlibat sejak projek perintis PBC dimulakan.

YB TUAN HAJI BAHARUDIN BIN MOHAMED TAIB (PERMAS)

SOALAN 25 (A116)

Adakah kerajaan negeri menyediakan perancangan mengadakan skim sewa beli rumah di Pasir Gudang seperti berlaku di Larkin?

YB TUAN HAJI AZIZUL BIN BACHOK (TIRAM)

SOALAN 26 (A76)

Adakah pihak kerajaan negeri mempunyai perancangan untuk menambah kelas Iqra Fardu Ain (IQFA) yang diperkenalkan di tadika-tadika KEMAS?

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)

SOALAN 27 (A91)

Apakah perancangan sedia ada dan pelan masa hadapan yang telah disediakan bagi membangunkan sektor pelancongan dan pembukaan seluasnya pantai sedia ada di persisiran pantai DUN Sedili.

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)

SOALAN 28 (A37)

Apakah ada usaha dari kerajaan untuk memberi pendidikan dan kesedaran politik bernegara bagi pengundi 18 tahun?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)

SOALAN 29 (A139)

Apakah usaha yang telah dilaksanakan bagi menarik golongan belia di negeri Johor amnya dan DUN Parit Yaani khususnya, untuk menyertai bidang pembinaan dan seterusnya memperkasakan lagi akademi binaan di Malaysia setaraf dengan institusi pengajian lain

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)

SOALAN 30 (A88)

Sila nyatakan status terkini tentang rancangan menaiktaraf persimpangan bertingkat Indahpura-Bandar Putra sebagai langkah mengurangkan kesesakan lalu lintas pada waktu puncak.

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 31 (A103)

Tapak pelupusan sampah di kawasan perindustrian Kempas sering berlaku kebakaran haram. Ia telah menjejaskan kualiti udara sekeliling misalnya Taman Impian Emas di kawasan Skudai. Apakah usaha kerajaan untuk melindungi alam sekitar melalui Seksyen 29A Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974.

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 32 (A12)

Adakah kerajaan bersedia menyediakan sejumlah peruntukan untuk menaiktarafkan atau menyelenggara longkang atau parit kecil di kawasan kampung yang menjadikan ia sebagai punca berlakunya banjir dalam kawasan DUN Endau?

YB TUAN HAJI ABD. MUTALIP BIN ABD. RAHIM (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 33 (A1)

MAINJ berperanan membantu umat Islam yang tidak memiliki rumah melalui skim bantuan perumahan kepada golongan tersebut. Sejauh manakah peranan ini berlangsung dan sering kedengaran kelewatan bantuan ini untuk disalurkan.

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 34 (A196)

Apakah rancangan dan langkah kerajaan di dalam usaha menghentikan aktiviti pembuangan sampah haram serta pengurusan sampah di kawasan tidak bercukai?

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 35 (A215)

Apakah tindakan kerajaan negeri untuk menyelesaikan masalah kekurangan tempat pembuangan sampah di kawasan kampung serta di luar kawasan PBT di DUN Kukup.

YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 36 (A94)

Apakah bantuan dan usaha yang telah dilaksanakan bagi membantu golongan ibu tunggal untuk menampung kos sara hidup bulanan dan bantuan kepada tanggungannya?

YB TUAN AZNAN BIN TAMIN (TANJUNG SURAT)
SOALAN 37 (A191)

Apakah perancangan kerajaan negeri khusus untuk golongan ibu tunggal dan juga golongan B40 terutama mereka yang mempunyai anak yang ramai dalam usaha untuk memastikan kewangan mereka berada pada tahap yang baik?

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 38 (A138)

Di dalam teras Jaringan Keselamatan Sosial terdapat lima komponen utama, salah satunya internet dan komunikasi. Sehingga hari ini, apakah status pelaksanaannya di kawasan-kawaaan di dalam DUN Parit Yaani yang mempunyai masalah liputan?

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 39 (A120)

Mohon diwujudkan Pasar Tani di Bukit Naning bagi memberi peluang kepada para petani untuk memasarkan hasil tanaman dan pertanian mereka sendiri. Ia membantu mereka meningkatkan pendapatan selain pengguna turut mendapat bekalan bermutu dengan harga yang berpatutan.

YB TUAN CHIONG SEN SERN (BUKIT BATU)
SOALAN 40 (A210)

Berapa dana yang akan diperuntukan untuk menaik taraf Zoo Negeri Johor dan nyatakan tempoh masa yang boleh disiapkan serta apakah tindakan yang bakal diambil untuk memelihara infrastruktur yang dinaiktaraf semula?

YB TUAN HAJI ABD. MUTALIP BIN ABD. RAHIM (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 41 (A3)

Terdapat kawasan khususnya di Kg. Paya Layang-Layang sering mengalami banjir apabila berlaku hujan lebat. Mohon kepada pihak kerajaan negeri mengambil tindakan membersihkan sungai tersebut setiap tahun. Selain itu juga, tebing runtuh dijambatan, menyebabkan jambatan senget dan merbahaya.

YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 42 (A137)

Berapa ramaikah penerima bantuan bulanan MAIJ dalam kawasan DUN Parit Yaani dan berapa banyak buah rumah yang telah dibina, sedang dibina, akan dibina dan diluluskan dibawah bantuan MAIJ.

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 43 (A152)

Mohon pihak kerajaan negeri khususnya JPS menjalankan kajian terperinci mengenai langkah bagi mengatasi masalah "Jabut" yang memberi kesan kepada benteng-benteng laut.

YB TUAN HAJI ABD. MUTALIP BIN ABD. RAHIM (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 44 (A2)

Perumahan asnaf di DUN Layang-Layang telah dibuat Majlis Pecah Tanah. Sehingga kini projek tersebut masih belum dilaksanakan oleh MAINJ, lantikan pelaksana juga telah dibuat, apakah faktor diatas kelewatan projek tersebut?

YB TUAN HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 45 (A171)

Di Panti ini terdapat banyak permasalahan anak-anak yang tidak mempunyai dokumen kelahiran yang sah disebabkan oleh pelbagai faktor. Adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan khas bagi memastikan anak-anak ini mendapat pendidikan yang terbaik seperti kanak-kanak biasa yang lain.

YB TUAN ANUAR BIN ABD. MANAP (PEMANIS)
SOALAN 46 (A9)

Bagaimana kerajaan negeri menyelesaikan Isu penyelenggaraan jalan dan longkang dikawasan kampung melalui konsesi yang dipertanggungjawabkan tetapi gagal melaksanakannya sehingga berlakunya kejadian banjir kilat dan kerosakan yang bertambah besar dikawasan tersebut. Adakah peruntukan lain selain daripada MARRIS yang boleh digunakan?

YB DATUK SERI HAJI SALAHUDDIN BIN AYUB (SIMPANG JERAM)
SOALAN 47 (A30)

Minta Menteri Besar menyatakan apakah usaha terkini kerajaan Johor dan Maritim Johor bagi meningkatkan dan mengukuhkan pertahanan serta keselamatan perairan negara.

YB PUAN HAJAH ALWIYAH BINTI TALIB (ENDAU)
SOALAN 48 (A13)

Pohon pandangan YAB yang mana ketika ini banyak perbincangan/kelulusan pembangunan infrastruktur tidak dilibatkan Wakil Rakyat terutama Wakil Rakyat Pembangkang. Jadi, adakah YAB bersetuju dengan kaedah ini atau YAB akan minta jabatan/agensi berkaitan maklumkan pada Wakil Rakyat yang terlibat?

5. PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH TITAH DULI YANG MAHA MULIA SULTAN JOHOR DIBAWA OLEH YANG BERHORMAT KUKUP DAN DISOKONG OLEH YANG BERHORMAT SRI MEDAN.

----- (PERBAHASAN) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Isnin, 20 Mac 2023, jam 9.30 pagi.